

Review Buku

Tajuk Buku	: Jerusalem in History
Editor	: K. J. Asali
Penerbit	: Scorpion Publishing Ltd., Cambridge, 1989, 295 hal.
Pengulas	: Mohd Roslan Mohd Nor

Jerusalem mempunyai sejarah yang berliku. Ia telah menarik minat ramai penulis untuk memberikan pandangan, hujah dan seumpamanya dalam menilai sejarahnya yang berharga. Jerusalem juga masyhur dengan namanya di dalam Bahasa Arab, iaitu *Bayt al-Maqdis*. Bagi Islam, Jerusalem merupakan satu kawasan yang amat bernilai. Di sinilah terletaknya kiblat umat Islam yang pertama sebelum wahyu Allah diturunkan untuk menghadap Ka'bah ketika melakukan solat. Ia juga tempat bersejarah, di mana ia merupakan tempat berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad s.a.w, sepertimana tercatat di dalam al-Qur'an dan di dalam buku-buku sirah Islam.

Buku *Jerusalem in History* membicarakan susur galur sejarah Jerusalem yang merangkumi sebahagian besar perjalanan sejarah. Editor buku ini, Kāmil Jamīl Asalī, seorang cendekiawan Palestin-Jordan, mencatatkan pada halaman kata-kata aluannya bahawa terdapat banyak buku berkenaan Jerusalem telah diterbitkan pada ketika ini. Kebanyakan buku tersebut menfokuskan kepada situasi semasa yang berlaku di *Bayt al-Maqdis* terutama yang menyentuh keadaan selepas berlakunya pencerobohan Israel pada tahun 1948, dan penguasaan sepenuhnya Israel terhadap Jerusalem pada tahun 1967.

Buku yang diterbitkan oleh golongan Yahudi seperti *This is Jerusalem* tidak sedikitpun menyatakan terdapatnya kawasan penempatan orang Islam di kawasan Masjid al-Aqṣā. Sebaliknya mereka hanya menyebut tentang kewujudan kawasan penempatan Armenia, Yahudi dan Kristian. K. J. Asali menyifatkan fenomena ini sebagai "suatu bukti sebahagian daripada kempen politik yang dibuat untuk membenarkan tujuan akhir mereka (*justify a specific end*); iaitu suatu perpindahan sepenuhnya ciri-ciri dan karakter Jerusalem (*transformation of Jerusalem*)."

Pada dasarnya buku ini menggabungkan lapan artikel yang ditulis oleh para ahli akademik yang pakar dalam bidang masing-masing. Antaranya ialah K. J. Asalī sendiri yang merupakan bekas Pengarah Perpustakaan Universiti Jordan, ahli

Arkeologi Belanda yang juga mahir mengenai Perjanjian Lama (*Old Testament*) H. J Franken, G. E Mendenhall, Professor Emeritus Pengajian Ancient dan Biblical, Universiti Michigan, J. Wilkinson, bekas Pengarah Sekolah Arkeologi British di Jerusalem yang juga mahir mengenai sejarah awal orang-orang Kristian melakukan ibadah (*pilgrimage*) ke Palestin, Abd al-Aziz Duri, seorang Professor Sejarah Islam di Universiti Jordan, Mustafa A. Hiyari juga dari Jabatan Sejarah, Universiti Jordan, Donald P. Little, seorang yang mahir mengenai sejarah Zaman Mamluk, Alexander Scholch yang mahir mengenai sejarah Mesir dan Palestin, juga pemegang Kerusi Pengajian Moden Timur Tengah di Universiti Erlangen yang telah meninggal dunia pada tahun 1986, dan yang akhir sekali M. C Hudson, bekas Pengarah Pusat Pengajian Kontemporari Arab di Universiti Georgetown yang turut menghasilkan penulisan-penulisan berkenaan politik moden Arab.

Setiap ahli akademik tersebut menyumbangkan satu artikel dalam ruang lingkup autoriti dan kepakaran masing-masing mengenai sejarah Jerusalem. Ini merupakan harapan Asali untuk mewujudkan satu asas yang kuat dalam membincangkan sejarah Jerusalem itu sendiri. Artikel yang dimuatkan di dalam buku ini adalah bersifat komprehensif dan merangkumi sejarah Jerusalem pada zaman *Bronze Age* yang ditulis oleh Franken, Jerusalem dari sudut pandang *Bible* oleh Mendenhall, seterusnya Jerusalem pada zaman awal Islam oleh Duri, sehinggalah perbincangan yang merangkumi zaman Perang Salib (*Crusaders*), zaman Ayyubi dan zaman Mamluk. Artikel Asali mengenai Jerusalem pada zaman pemerintahan Turki Othmaniyyah merupakan satu artikel yang tidak kurang pentingnya dalam membincangkan kondisi dan sejarah Jerusalem itu sendiri. Begitu juga artikel terakhir di dalam buku ini yang ditulis oleh Hudson yang telah menggambarkan keadaan Jerusalem pada era perubahan pemerintahan kepada Yahudi (*transformation*) yang bermula dari awal abad ke 20.

Koleksi artikel ini menunjukkan bahawa Asali amat prihatin terhadap kurangnya sumber rujukan akademik yang bersifat *reliable* untuk dijadikan bahan rujukan dalam bidang kajian Palestin. Kekurangan bahan akademik itu telah mendorong Asali untuk mencari jalan penyelesaiannya. Justeru, kehadiran penulis yang mempunyai pelbagai latarbelakang akademik, mempunyai kemahiran khusus tersendiri dan dari pelbagai fahaman agama telah membuka ruang untuk menghasilkan himpunan yang menarik di dalam buku ini. Gabungan penulisan yang pelbagai dilihat amat bermanfaat bagi generasi akan datang kerana mereka berpeluang merujuk kepada sumber-sumber akademik dan penulisan yang baik dalam bidang kajian Palestin.

Apa yang menarik ialah buku ini bukan sahaja memaparkan sejarah Jerusalem dari sudut literal semata-mata. Ia merangkumi beberapa kajian yang dibuat secara mendasar, umpamanya kajian berdasarkan ilmu Arkeologi, kajian yang merujuk kepada zaman awal sejarah, malah turut juga menjangkau kepada kajian mengenai status *Bayt al-Maqdis* pada zaman pra-sejarah lagi. Menarik juga untuk diketahui bahawa setiap penulis membuat kajian berdasarkan zaman dan masa yang tertentu, umpamanya artikel bertajuk “Jerusalem From 1000 - 63 BC”, dan “Jerusalem Under Rome and Byzantine” serta artikel yang merujuk kepada zaman kontemporari, misalnya artikel bertajuk, “The Transformation of Jerusalem in 1917 - 1987 AD.”

Satu masalah yang dinyatakan oleh Asali ialah berlakunya perebutan Jerusalem oleh tiga agama; Islam, Kristian dan Yahudi. Menurut Asali, selagi mana agama dimanipulasi untuk mendapatkan sesuatu, maka “bahayanya ialah sikap fanatik akan sentiasa digunakan; yang memberi kesan tidak sihat kepada penulisan sejarah, dan sejarah itu akhirnya dicatat dengan sikap *bias* dan fanatik.”

Terdapat dua faktor yang menyokong kepada keadaan di atas. Pertama, apabila berlakunya sekularisasi ke atas data yang jelasnya memberi keuntungan kepada Yahudi untuk menguasai Jerusalem. Yahudi secara jelas menafikan hak Islam terhadap tanah berkat tersebut, dan menganggap bahawa Jerusalem tidak selayaknya diberikan kepada orang Islam kerana perkataan Jerusalem tidak pernah disebut oleh al-Qur'an. Ini merupakan satu penyelewengan yang nyata oleh Yahudi itu sendiri, kerana banyak ayat al-Qur'an yang merujuk secara langsung dan tidak langsung kepada Jerusalem.

Masalah yang dikira amat besar ialah untuk memperbetulkan catatan sejarah yang banyak diubah untuk memungkinkan rejim Zionis menguasai Jerusalem. Ada golongan yang cuba menafikan kepentingan Islam terhadap Jerusalem. B. Lewis dan E. Sivan umpamanya, menolak bahawa keterangan Jerusalem amat signifikan dan diberi perhatian utama oleh orang Islam semenjak daripada zaman awal sejarah Islam lagi. Mereka mendakwa ia menjadi penting setelah wujudnya *hadīth fadā'il* yang sengaja diperbesarkan untuk tujuan memperbesarkan kelebihan-kelebihan Jerusalem. Hadis tersebut pada tanggapan mereka adalah direka pada sekitar abad ke 10 dan 11 Masihi dan ia digunakan sebagai senjata untuk menaikkan semangat umat Islam bagi melawan tentera Salib. Besar kemungkinan dakwaan B. Lewis dan E. Sivan yang jelas bias kepada bangsa ini wujud kerana mereka sendiri mempunyai pertalian darah dengan Yahudi itu sendiri.

Artikel Abd al-Azīz Düri dan Donald P. Little sedikit sebanyak menjawab persoalan tentang kepentingan Jerusalem itu sendiri. Mereka menyatakan bahawa kewujudan *hadith fadā’il* itu tidak ada kena-mengena dengan senjata untuk melawan tentera Salib, malah hadith itu telah wujud lebih awal dari perperangan Salib itu sendiri. Kelebihan *Bayt al-Maqdis* itu juga tidak pernah dijadikan alat politik oleh pemerintahan Umayyah, walaupun bumi tersebut merupakan tanah istimewa yang telah menerima banyak kerajaan daripada Nabi-nabi terdahulu, sehingga Nabi Muhammad s.a.w yang pernah menziarahi *Bayt al-Maqdis* dalam peristiwa Israk dan Mikraj.

Ramai kalangan musuh Islam yang cuba menafikan bahawa Jerusalem itu adalah milik mutlak umat Islam. Jerusalem, selain pernah menjadi kiblat pertama umat Islam, ia juga merupakan tempat di mana manusia akan dibangkitkan pada hari akhirat kelak berdasarkan hadith-hadith yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Jelas sekali bahawa dari sudut fizikal dan spiritualnya, Jerusalem adalah milik umat Nabi Muhammad s.a.w.

Sebagai suatu usaha untuk mendapatkan gambaran sejarah yang autentik, universal dan komprehensif terhadap Jerusalem atau *Bayt al-Maqdis* ini, buku *Jerusalem in History* adalah satu buku rujukan yang dikira amat penting dan ia dihasilkan untuk mencapai tujuan tersebut. Walaupun menurut Asali, buku ini adalah satu paparan berbentuk *outline*, namun keabsahan buku ini dalam memaparkan sejarah Jerusalem amatlah tinggi berdasarkan penulisannya yang bersifat akademik, dan rujukan nota kakinya yang berasaskan sumber-sumber yang diakui. Bagi para pengkaji yang ingin mendalami sejarah Jerusalem, buku ini adalah amat sesuai untuk dijadikan antara sumber rujukan utama.